

Bina asas perniagaan negara Islam — PM

UM 19 AUG 2003

Daripada HAMZAH SIDEK

DAMSYEK 18 Ogos — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, perdagangan antara negara-negara Islam tidak boleh dibangunkan dalam suasana antarabangsa yang semakin kompetitif sekarang semata-mata atas dasar persaudaraan seagama.

Katanya, jika negara-negara Islam mahu kerjasama ekonomi antara mereka berjaya, mereka mestilah juga membina asas perniagaan yang kukuh dan diubah suai serta diperbaiki sepanjang masa sejajar dengan perkembangan dunia yang sentiasa berubah.

Bercakap kepada masyarakat perniagaan Syria di sini hari ini, Perdana Menteri menasihatkan ahli-ahli perniagaan Islam supaya menjalin usaha sama yang benar-benar boleh menjamin hasil dan urusniaga yang nyata.

“Berkongsi kepercayaan agama yang sama sudah tentu akan memudahkan kita untuk saling memahami, tetapi kita tidak boleh semata-mata

bergantung kepada faktor ini untuk berdaya saing dalam persekitaran sekarang,” tegasnya.

Dr. Mahathir memberitahu bahawa Malaysia amat berminat untuk meningkatkan perdagangan dengan semua negara Islam, termasuk Syria.

Selaku tuan rumah Sidang Kemuncak Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) Oktober ini, beliau mempelawa masyarakat perniagaan seluruh negara Islam supaya datang ke Malaysia bagi menjalin dan memperkukuh kerjasama perdagangan sesama mereka.

Sempena sidang itu, Ekspo OIC 2003 dan Forum Perniagaan OIC akan diadakan sebagai langkah untuk menemukan masyarakat perniagaan Islam antarabangsa bagi bertukar-tukar fikiran dan menjalin ikatan perdagangan.

Selepas berdialog dengan masyarakat perniagaan Syria, Dr. Mahathir mengadakan pertemuan sambil makan tengah hari dengan para ulama negara yang pernah menjadi pusat pentadbiran kerajaan Bani Umayyah yang telah mencatatkan kegemilangan tamadun Islam selepas zaman pemerintahan para sahabat Rasulullah s.a.w.

Kemudian Dr. Mahathir mengadakan dialog dengan para pemimpin kerajaan, kumpulan pemikir dan sarjana serta tokoh-tokoh korporat negara itu di mana beliau mengupas secara terperinci rahsia kejayaan pembangunan dan ekonomi Malaysia yang Syria minta untuk dijadikan panduan mereka.

Selepas itu beliau merasmikan pembukaan pusat pameran Proton di sini dan menghadiri majlis makan malam bersama 158 pelajar Malaysia yang menuntut di Syria.

Sebelum berangkat pulang ke tanah air pada malam ini, beliau dan Datin Seri Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali bertemu sekali lagi dengan Presiden Syria, Dr. Bashar Al-Assad dan isterinya.

Selepas pertemuan itu, Presiden Bashar memberikan penghormatan yang menandakan ikatan hubungan Malaysia-Syria kini semakin kukuh dan bermakna dengan beliau sendiri menghantar pulang Dr. Mahathir hingga ke lapangan terbang.

— Utusan